

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200 Rabu 26 September 2024



KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PROGRAM PEMANTAUAN PELAKSANAAN BANCİ PERTANIAN 2024 OLEH PESURUHHJAYA BANCİ DI DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN SEPTEMBER 2024

KERJASAMA ANTARA AGENSI PERTANIAN MEMBANTU MENINGKAT KES SELESAI OPERASI BANCİ PERTANIAN 2024 – 90.5% PEGANGAN PERTANIAN SELESAI DIBANCİ

PORT DICKSON, 26 September 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa Banci Pertanian 2024 kini telah memasuki hari ke-82 sejak dilancarkan pada 7 Julai 2024 dan berbaki 14 hari lagi sebelum berakhirnya tempoh operasi banci. Tempoh berbaki ini adalah penting untuk melengkapkan proses pengumpulan data pertanian di peringkat hulu yang merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan & akuakultur dan perhutanan & pembalakan.

Banci Pertanian menyediakan data utama tentang profil pegangan pertanian seperti maklumat demografi, hasil pertanian, kos input, saiz ladang, penggunaan dan pemilikan tanah, mekanisasi serta penggunaan teknologi. Secara ringkasnya, statistik pertanian ini dapat digunakan untuk merangka dasar dan program

jangka pendek dan jangka panjang serta untuk meningkatkan keterjaminan makanan, produktiviti serta mempromosikan pertanian mampan.

Sejumlah 1,197,309 pegangan pertanian terlibat dalam pembancian dengan bilangan tempat kediaman sebanyak 1,177,556 (98.4%) dan pertubuhan sebanyak 19,753 (1.6%). Daripada jumlah tersebut sehingga 26 September 2024, DOSM telah berjaya melawati 91.9% dengan pecahan sebanyak 1,082,932 (92.0%) tempat kediaman dan pertubuhan sebanyak 17,430 (88.2%).

Di Negeri Sembilan, operasi banci pertanian telah mencapai 86.3% daripada 37,795 tempat kediaman dan 97.4% daripada 1,017 pertubuhan yang berpotensi menjalankan Pertanian telah dilawati. Daripada lawatan tersebut, sebanyak 30,749 tempat kediaman pertanian (81.4%) dan 893 pertubuhan pertanian (87.8%) daripada keseluruhan tempat kediaman dan pertubuhan telah selesai dibanci. Daerah dengan pencapaian yang tertinggi adalah Daerah Jempol dan Rembau. Pesuruhjaya Banci, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan pencapaian ini dapat diperolehi dengan kerjasama dan komitmen penuh daripada semua pihak terutama agensi pertanian daerah seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Malaysia. “Tidak lupa juga *unsung hero* kita yang memastikan sekuriti makanan kita terjamin khususnya petani, penternak, nelayan serta pertubuhan pertanian” kata beliau.

Pelbagai usaha dan libat urus telah dijalankan oleh agensi pertanian di peringkat daerah melalui penyediaan kepakaran, kemudahan logistik, platform kepada pembanci untuk berurusan dengan pengusaha pertanian dan sekaligus memastikan pengumpulan data pertanian terperinci diperolehi dan tiada pengusaha yang tertinggal dalam liputan banci pertanian ini.

Bagi memastikan pelaksanaan operasi Banci Pertanian 2024 berjalan lancar Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin bersama Encik Mohd Sawal bin Shakimon, Timbalan Pesuruhjaya (Teknikal) Negeri Sembilan turut hadir bagi menjayakan operasi Banci Pertanian di Port Dickson dengan kerjasama antara Jabatan Perikanan Daerah di bawah Program Banci Pertanian dengan usaha Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Sembilan. Program ini bersempena Program Pemeriksaan Vessel dan Peralatan Penangkapan Ikan Tradisional bagi tahun 2024/2025 Negeri Sembilan yang dijalankan bermula 24 hingga 26 September 2024 yang melibatkan 401 orang nelayan. Sesi lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Cik Doreen Wee Siew Leen, Ketua Cawangan/Pegawai Perikanan merangkap Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Sembilan, penghulu, ketua kampung, nelayan serta penyelia dan pembanci kawasan tersebut.

Lanjutan daripada Mesyuarat Pengukuhan Kerjasama antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan *Agensi Statistik di bawah Statistics Agency Under The President of the Republic of Uzbekistan (Statistics Agency)*, Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa Uzbekistan telah memilih DOSM sebagai destinasi untuk mengadakan lawatan sambil belajar berkenaan pelaksanaan Banci Pertanian. Lawatan ini merupakan salah satu inisiatif dalam memperkukuhkan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 26 Februari 2024 antara Kerajaan Malaysia dan Uzbekistan.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir, lawatan sambil belajar ini memberi delegasi Uzbekistan pengalaman langsung mengenai pengoperasian pelaksanaan banci. Delegasi Uzbekistan akan turut serta sepanjang sesi lawatan kerja bagi mendalami aspek teknikal dan amalan terbaik yang digunakan oleh DOSM. Pelaksanaan Banci Pertanian di Uzbekistan dijangka berlangsung pada tahun hadapan.

Di samping itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir turut memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2023, DOSM telah menerima sebanyak 11 lawatan sambil belajar dan kunjungan hormat daripada pelbagai organisasi antarabangsa. Antaranya adalah *Saudi Arabia National Labor Observatory, Planning and Statistics Authority (PSA)* dari Qatar, *General Statistics Office (GSO)* dari Vietnam, dan *The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)*.

DOSM turut memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa dengan mempengerusikan *Nineteenth Session Of The Governing Council Of The Statistical Institute For Asia And The Pacific (UNSIAP)* serta menganjurkan *International Training of Trainers on Quality of Statistics for Sustainable Development Goals (SDGs)* pada tahun 2023.

Dalam pada itu, DOSM telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan organisasi antarabangsa, iaitu bersama Uzbekistan dan SESRIC, dan kini dalam proses penyediaan MoU untuk dimeterai dengan pihak Tajikistan. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen DOSM dalam memperkukuhkan kerjasama antarabangsa dan berkongsi kepakaran dalam bidang statistik.

“Saya menyeru pengusaha dan pertubuhan pertanian dari semua peringkat memberikan maklumat tepat dan lengkap kepada petugas banci pertanian. Dapatan Banci Pertanian yang tepat dan lengkap dapat menyediakan statistik pertanian *real time*, komprehensif dan amat penting bagi tujuan penggubalan dasar dan perancangan bantuan kepada pengusaha pertanian” beliau berkata demikian selepas memantau operasi Banci Pertanian di Jeti Bukit Palong di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi

memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SEMBILAN

26 SEPTEMBER 2024